

29/01/1999

Parti lawan bawa pengundi luar DUN

ALOR STAR, Khamis - Barisan Nasional (BN) Kedah mengesan usaha Pas membawa pengundi dari luar Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Langgar, dekat sini dipercayai untuk memenangi kerusi berkenaan dalam pilihan raya umum akan datang.

Antara pengundi luar terbabit adalah mereka yang tinggal di Kubang Pasu yang dipercayai dipindahkan ke DUN kawasan Langgar, bertujuan membolehkan Pas memenangi kawasan terbabit.

Setiausaha BN negeri, Ahmad Lebai Sudin berkata, usaha terbabit dipercayai berdasarkan keyakinan Pas untuk memenangi pilihan raya bagi DUN kawasan Langgar yang dimenangi BN dengan kelebihan 432 undi dalam pilihan raya umum 1995.

Beliau berkata, Pas dipercayai mengambil langkah terbabit berdasarkan kesukaran mereka untuk menembusi kubu kuat BN di Kubang Pasu yang dipimpin Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam pilihan raya umum 1995, Dr Mahathir memenangi kerusi Parlimen Kubang Pasu dengan majoriti 17,226. Dr Mahathir yang memperoleh 24,495 undi menewaskan calon Pas, Ahmad Mohd Alim yang hanya memperoleh 7,269 undi.

Bagi DUN Langgar pula, calon BN, Syeikh Alias Mustafa memperoleh 7,019 undi menewaskan calon Pas, Syeikh Mohamad Abdullah dengan majoriti 432 undi.

"Dalam pilihan raya 1995, Pas kalah teruk di Kubang Pasu...mereka tidak mempunyai harapan di Kubang Pasu, jadi mereka bawa pengundi di sana mendaftar di Langgar dengan harapan dapat menewaskan calon BN," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri majlis sambutan Aidilfitri Majlis Perbandaran Kota Star (MPKS) di perkarangan pejabat MPKS, di sini hari ini.

Ahmad yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Makanan dan Gejala Sosial negeri, berkata pilihan raya umum akan datang dianggap lebih mencabar berikutan tindakan Pas mengeksploitasi isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, 2 September lalu.

Bagaimanapun, katanya, jentera BN yang dipimpin Pengerusi BN Kedah, Tan Sri Sanusi Junid sudah bersedia menangkis serangan Pas bagi memastikan BN bukan setakat mampu mempertahankan 34 kerusi DUN yang dimenangi dalam pilihan raya 1995, malah merampas semula dua kerusi DUN Pas, iaitu Bukit Raya dan Sala.

(END)